

UMNO Kubang Pasu cuba pujuk Dr. Mahathir hentikan kritikan

JITRA 31 Okt. - UMNO Bahagian Kubang Pasu akan berusaha memujuk Tun Dr. Mahathir Mohamad menghentikan kritikan terbukanya kepada kerajaan sebagai jalan untuk meredakan ketegangan antara bekas Perdana Menteri itu dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu, Ahmad Zaini Japar berkata, bagi tujuan itu, pihaknya akan cuba mengadakan beberapa pertemuan dengan Dr. Mahathir.

"Kita tahu, Tun (Dr. Mahathir) merupakan seorang yang boleh mendengar pandangan orang lain.

"Apa yang berlaku sekarang ini ialah orang yang berada di sekelilingnya. Tun tidak ada masalah bagi kami," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri di kediaman Setiausaha UMNO Bahagian Kubang Pasu, Shamsuddin Ahmad di Felda Batu Lapan, Changlun dekat sini hari ini.

Ahmad Zaini berkata, pihaknya yakin Dr. Mahathir yang juga bekas Ahli Parlimen Kubang Pasu akan menerima pandangan atau cadangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli UMNO daripada bahagian itu.

Dalam pada itu, tegasnya, kritikan yang dilakukan oleh Dr. Mahathir terhadap kerajaan tidak meninggalkan sebarang kesan kepada ahli-ahli UMNO di bahagian tersebut.

"Dalam isu ini, kita bersama dengan Perdana Menteri dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir

Khalid," jelasnya.

Menurutnya, UMNO Bahagian Kubang Pasu juga menyokong saranan Mahdzir yang meminta Dr. Mahathir melepaskan jawatan penasihat di beberapa agensi kerajaan.

Saranan itu, tegasnya, dianggap wajar selagi bekas Presiden UMNO itu terus mengkritik kerajaan secara terbuka.

"Dr. Mahathir sepatutnya bertindak sebagai seorang guru ketika membuat teguran, bukannya bertindak seperti seorang pembangkang," katanya.

Ahmad Zaini bimbang kritikan tersebut akan menjejaskan strategi BN yang sedang membuat persiapan menghadapi-pilihan raya.

'Dr. Mahathir kena faham bahawa BN di Kedah tidak menang besar pada pilihan raya lalu," katanya.